



GARIS PANDUAN

**Penggunaan Fasiliti
Kementerian Kesihatan Malaysia
Bagi
Latihan Lapangan Pelajar Pergigian**

GARIS PANDUAN

**Penggunaan Fasiliti
Kementerian Kesihatan Malaysia
Bagi
Latihan Lapangan Pelajar Pergigian**

Bahagian Kesihatan Pergigian
Kementerian Kesihatan Malaysia
2011

Kata-Kata Aluan

**Pengarah Kanan Kesihatan Pergigian
Kementerian Kesihatan Malaysia**



Assalamualaikum w.b.t dan Salam 1Malaysia,

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNYA *Garis Panduan Penggunaan Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia Bagi Latihan Lapangan Pelajar Pergigian* dapat dihasilkan dengan jayanya. Tahniah ke atas jawatankuasa yang telah bekerja keras di dalam merealisasikan garis panduan ini.

Salah satu keperluan utama kurikulum pengajian pergigian adalah memastikan pelajar pergigian mendapat peluang menjalani latihan lapangan. Ini membolehkan pelajar membuat pemerhatian ke atas aktiviti dan program perkhidmatan pergigian yang disampaikan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Melalui pendedahan ini, graduan pergigian akan lebih bersedia dan mampu menghadapi ekspektasi yang diharapkan apabila memulakan perkhidmatan. Pengalaman yang diperolehi dapat membantu mereka menjadi lebih kompeten, berkemahiran dan berkualiti.

Sejajar dengan matlamat latihan lapangan, pengurusan penempatan pelajar yang lebih sistematik dan efektif amatlah diperlukan. Dengan adanya garis panduan ini, pengendalian penempatan latihan pelajar pergigian dapat diperkemaskan dan pemantauan penggunaan fasiliti KKM oleh institusi pengajian tinggi dapat dilaksanakan dengan lebih efisien.

Sekian, terima kasih.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Norain" followed by a surname.

DATO' DR NORAIN BINTI ABU TALIB

**GARIS PANDUAN PENGGUNAAN FASILITI
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA BAGI
LATIHAN LAPANGAN PELAJAR PERGIGIAN**

KANDUNGAN	MUKASURAT
Kata-kata Aluan	1
1. Tujuan	7
2. Pendahuluan	7
3. Objektif	8
4. Skop	9
5. Terminologi	9
6. Tatacara Permohonan Bagi Mengadakan <i>Memorandum of Agreement (MoA)</i> Dengan KKM	12
7. Tatacara Permohonan Bagi Kelulusan Penempatan Latihan Lapangan Pelajar Program Pengajian Pergigian	15
8. Tatacara Permohonan Bagi Kelulusan <i>Posting /</i> Penempatan Elektif Pelajar Pergigian Luar Negara Dan Pelajar Pengajian Asas IPT Tempatan	16
9. Syarat Dan Peraturan Penggunaan Fasiliti KKM Bagi Penempatan Pelajar Program Pengajian Pergigian IPTA / IPTS Tempatan	17
10. Syarat Dan Peraturan Penggunaan Fasiliti KKM Bagi <i>Posting /</i> Penempatan Elektif Pelajar Pergigian Luar Negara & Pelajar Pengajian Asas IPT Tempatan	20

KANDUNGAN	MUKASURAT
11. Peranan Dan Tanggungjawab Pihak Fasiliti KKM	22
12. Tatacara Pewartaan Fasiliti KKM Sebagai Pusat Latihan Lapangan	23
13. Senarai Rujukan	24
14. Ahli Jawatankuasa	25
SENARAI LAMPIRAN	
1. Maklumat Pelajar Yang Akan Menjalani Latihan Klinikal di Hospital / Klinik KKM	Lampiran 1
2. Penggunaan Fasiliti KKM Bagi Latihan Lapangan Pelajar Program Ijazah Asas Pergigian di IPT	Lampiran 2
SENARAI APENDIKS	
1. Borang Permohonan Menjalani <i>Posting Elektif</i> di Fasiliti KKM	Apendiks A.1
2. <i>Application Form for Elective Posting in the Ministry of Health Malaysian Facilities</i>	Apendiks A.2
3. Senarai Semak Keperluan Dokumen Bagi Penyediaan <i>Memorandum of Agreement (MoA)</i>	Apendiks B



GARIS PANDUAN PENGGUNAAN FASILITI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM) BAGI LATIHAN LAPANGAN PELAJAR PROGRAM PERGIGIAN

1. TUJUAN

Tujuan garis panduan ini adalah sebagai rujukan bagi kelulusan dan penggunaan fasiliti KKM untuk latihan lapangan pelajar program pergigian dari institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara.

Ita juga diguna pakai oleh Jabatan Kesihatan Negeri (Pergigian) [(JKN (Pergigian)], Hospital, Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah serta Klinik Pergigian di dalam urusan pemantauan dan penyelarasan latihan lapangan pelajar program pergigian.

2. PENDAHULUAN

Sejak tahun 1971 hingga 2003, Malaysia hanya mempunyai tiga (3) buah Institusi Pengajian Tinggi Awam yang mengendalikan kursus pengajian ijazah asas pergigian iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Sains Malaysia (USM). Pada 2010, jumlah pengambilan pelajar setahun masing-masing ialah 72, 75 dan 46 orang pelajar.

Dari tahun 2005-2010, tiga (3) buah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan lima (5) buah Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) baru telah mendapat kelulusan untuk memulakan program pengajian ijazah asas pergigian dengan pengambilan yang dibenarkan di antara 30-75 pelajar setahun bagi setiap IPT.

Susulan daripada perkembangan tersebut, KKM telah menerima banyak permohonan dari IPTA dan IPTS tempatan bagi menempatkan pelajar-pelajar mereka untuk menjalani latihan lapangan di fasiliti-fasiliti KKM.

Selain daripada permohonan penempatan pelajar program pengajian ijazah asas pergigian, KKM turut menerima permohonan untuk menempatkan pelajar sarjana bagi menjalani latihan klinikal/amali daripada IPTA yang mengendalikan program pasca-ijazah pergigian.

Pelajar di peringkat pengajian asas (seperti Sains Asas, Matrikulasi, A-Level dsb.) yang berminat memasuki kursus pengajian ijazah asas pergigian dan pelajar pergigian dari institusi pengajian luar negara juga ada memohon untuk menjalani latihan lapangan di fasiliti KKM.

Latihan lapangan yang komprehensif dan teratur diperlukan bagi melahirkan graduan pergigian yang lebih kompeten. Sejajar dengan objektif tersebut, KKM sentiasa berusaha untuk menyediakan prasarana pembelajaran yang kondusif bagi memenuhi keperluan latihan lapangan.

Satu garis panduan yang komprehensif adalah diperlukan sebagai panduan penggunaan fasiliti KKM oleh pelajar pergigian institusi pengajian tinggi tempatan dan luar negara. Penyelarasian yang sistematik dan terperinci perlu diwujudkan bagi memastikan objektif latihan lapangan dapat dilaksanakan dan dipantau secara berkala disamping tidak menjelaskan pelaksanaan perkhidmatan kepada masyarakat secara keseluruhannya.

3. OBJEKTIF

3.1 Objektif Umum

Mewujudkan satu mekanisme untuk mengurus dan memantau penggunaan fasiliti KKM bagi latihan lapangan pelajar pergigian tanpa mengganggu penyampaian perkhidmatan sedia ada di fasiliti yang dikenalpasti serta sebagai panduan kepada IPTA/IPTS tempatan di dalam pengurusan penempatan pelajar di fasiliti KKM.

3.2 Objektif Khusus

- 3.2.1 Menyelaras permohonan dan kelulusan penggunaan fasiliti KKM oleh IPTA dan IPTS tempatan bagi program pengajian pergigian.
- 3.2.2 Mengurus permohonan latihan lapangan di fasiliti KKM bagi pelajar pengajian asas yang akan mengikuti program pengajian ijazah asas pergigian.
- 3.2.3 Mengurus permohonan *posting* / penempatan elektif pelajar pergigian luar negara di fasiliti KKM.
- 3.2.4 Memantau penggunaan fasiliti KKM oleh IPTA/IPTS tempatan bagi latihan lapangan pelajar.
- 3.2.5 Memastikan latihan lapangan pelajar dilaksanakan mengikut ketetapan yang dipersetujui tanpa menganggu penyampaian perkhidmatan sedia ada.

4. SKOP

Garis panduan ini meliputi penggunaan fasiliti KKM bagi latihan lapangan pelajar pengajian asas, pelajar pengajian pergigian IPT tempatan serta pelajar program pergigian IPT luar negara.

5. TERMINOLOGI

5.1 Fasiliti KKM yang Diwartakan

Fasiliti KKM yang memenuhi kriteria dan diperakukan sebagai tempat latihan lapangan program pergigian.

5.2 IPTA Tempatan

Institusi Pengajian Tinggi Awam meliputi universiti,

institut, kolej termasuk institusi latihan KKM yang telah berdaftar / diperakui oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) / Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT).

5.3 IPTS Tempatan

Institusi Pengajian Tinggi Swasta termasuk universiti, institut, kolej kelolaan pihak swasta yang telah berdaftar / diperakui oleh MQA / KPT.

5.4 IPT Luar Negara

Institusi Pengajian Tinggi meliputi institusi yang tersenarai di dalam Jadual Kedua Seksyen 12(1) Akta Pergigian 1971 dan diperakui Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA).

5.5 Pelajar

Meliputi tiga (3) kategori pelajar iaitu:

- 5.5.1 Pelajar pengajian asas seperti Matrikulasi, Sains Asas, *Foundation in Science*, A–Level dan lain-lain kelayakan yang setara yang akan melanjutkan pengajian di dalam program ijazah asas pergigian.
- 5.5.2 Pelajar pengajian pergigian yang sedang menuntut di IPTA / PTS dalam negara yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.
- 5.5.3 Pelajar bidang pergigian dari institusi luar negara yang tersenarai di dalam Jadual Kedua Seksyen 12(1) Akta Pergigian 1971 dan diperakui JPA.

5.6 Penempatan Latihan Lapangan

Penempatan pelajar di fasiliti KKM untuk mendapatkan pendedahan pengajaran dan pembelajaran perkhidmatan pergigian sebagai sebahagian daripada keperluan kurikulum

program pergigian.

5.7 **Sekretariat Penggunaan Fasiliti KKM (SPF KKM)**

Urusetia yang diwujudkan di Bahagian Kesihatan Pergigian (BKP), KKM yang bertanggungjawab di dalam urusan berkaitan penggunaan fasiliti KKM oleh IPT.

5.8 **Jawatankuasa Pengurusan Bersama Penggunaan Fasiliti KKM Peringkat Negeri (JPBPF KKM)**

Jawatankuasa yang mengurus dan memantau penggunaan fasiliti KKM di peringkat Jabatan Kesihatan Negeri.

5.9 **Latihan Lapangan**

Terdapat tiga (3) kategori latihan:

5.9.1 **Latihan Klinikal / Amali**

Latihan yang dirangka dan ditetapkan oleh kurikulum pembelajaran program pengajian pergigian.

Ini termasuk bidang pengajian *hospital-based dentistry, non hospital-based dentistry* dan kesihatan awam pergigian (pergigian masyarakat).

Meliputi pelajar program pengajian ijazah asas IPTA / IPTS tempatan dan pasca-ijazah pergigian IPTA tempatan.

5.9.2 **Latihan Penempatan Komuniti**

Latihan yang ditetapkan oleh kurikulum pengajian bagi tujuan pendedahan pelajar kepada aktiviti / program pergigian di peringkat komuniti.

Meliputi pelajar program pengajian ijazah asas IPTA / IPTS tempatan dan pasca-ijazah pergigian IPTA tempatan.

5.9.3 *Posting / Penempatan Elektif*

Latihan yang dipohon secara individu oleh pelajar-pelajar atas sokongan IPT dan pihak penaja.

Meliputi pelajar pergigian luar negara dari institusi yang tersenarai di dalam Jadual Kedua Seksyen 12(1) Akta Pergigian 1971 dan diperakui JPA dan;

Pelajar pengajian asas yang akan melanjutkan pengajian dalam bidang pergigian sama ada di:

- IPT tempatan yang berdaftar / diperakui oleh MQA / KPT atau;
- IPT luar negara yang diiktiraf Majlis Pergigian Malaysia (MPM) dan dibawah tajaan JPA / mana-mana badan berkanun Kerajaan.

6. TATACARA PERMOHONAN BAGI MENGADAKAN *MEMORANDUM oF AGREEMENT (MoA)* DENGAN KKM

Semua IPTA / IPTS tempatan perlu menandatangani *Memorandum of Agreement (MoA)* dengan KKM sebelum dibenarkan menempatkan pelajar mereka untuk menjalani latihan lapangan di fasiliti KKM.

Ketetapan ini termasuk untuk tujuan:

- Latihan klinikal (*hospital-based & non-hospital based dentistry*) dan komuniti program pengajian ijazah asas pergigian (IPTA & IPTS tempatan) dan;
- Latihan klinikal / amali / komuniti program pengajian pasca-

ijazah pergigian (IPTA tempatan sahaja).

*** Hanya *Posting / Penempatan Elektif* bagi pelajar luar negara dan pelajar pengajian asas IPT tempatan tidak memerlukan *MoA*.

Walau bagaimanapun kelulusan Pengarah Kanan Kesihatan Pergigian (PKKP) adalah diperlukan serta berpandukan ketetapan semasa.

- 6.1 Sekretariat Penggunaan Fasiliti di BKP KKM menerima permohonan daripada IPTA / IPTS.
- 6.2 Sekretariat menyemak sama ada permohonan lengkap atau tidak. Permohonan yang lengkap perlu mempunyai dokumen-dokumen seperti berikut:
 - Pengenalan IPTA / IPTS
 - Kelulusan untuk menjalankan program daripada MQA / KPT
 - Sesalinan modul pembelajaran / latihan
 - Status bilangan pelajar terkini dan unjuran untuk lima (5) tahun
 - Bilangan dan senarai nama penyelia lapangan
 - Surat permohonan mengadakan *MoA* dengan KKM menggunakan '*Letter Head Company*' (IPTS) atau *Letter Head IPT* (IPTA) yang mengandungi no. telefon & faks
 - Nama penandatangan dan saksi yang diberi kuasa beserta jawatan
 - Sijil pendaftaran syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) - Borang 9 Akta Syarikat 1965
 - *Memorandum of Association* - Akta Syarikat 1965
 - *Article of Association* - Akta Syarikat 1965
 - Sijil pendaftaran dengan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) - Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996
 - Borang 44 (*Registered Company Address*) - Akta Syarikat 1965
 - Salinan Dokumen Memorandum Perjanjian Utama (*Principle Memorandum of Agreement*) sekiranya

permohonan dibuat untuk menandatangani Perjanjian Tambahan (*Supplementary Agreement*)

* Perjanjian Tambahan (*Supplementary Agreement*)

- Tambahan program
- Tambahan fasiliti

- 6.3 Sekiranya dokumen tidak lengkap, permohonan dikembalikan kepada IPTA / IPTS.
- 6.4 Sekiranya lengkap, sekretariat menyemak, mencadang dan mendapatkan pengesahan kesesuaian penggunaan fasiliti daripada JKN (Pergigian) berdasarkan status terkini penggunaan fasiliti program pergigian.
- 6.5 Sekiranya fasiliti yang dipohon tidak bersesuaian, JKN (Pergigian) akan mencadangkan fasiliti alternatif.
- 6.6 Sekretariat mendapatkan persetujuan dan kelulusan PKKP KKM.
- 6.7 Sekretariat menyediakan draf *MoA* penggunaan fasiliti bagi IPT berkenaan.
- 6.8 Sekretariat menghantar draf *MoA* ke Penasihat Undang-Undang (PUU) untuk semakan dan penyediaan draf akhir.
- 6.9 Sekretariat mengemukakan ke IPT draf akhir *MoA* untuk persetujuan.
- 6.10 Setelah mendapat persetujuan, sekretariat akan menguruskan proses *MoA*.
- 6.11 Sekretariat mengedarkan sesalinan *MoA* yang ditandatangani kepada IPT, JKN (Pergigian) dan fasiliti berkaitan.
- 6.12 Pelaksanaan penggunaan fasiliti KKM berkuat kuasa dari tarikh *Memorandum of Agreement (MoA)* ditandatangani.

7. TATACARA PERMOHONAN BAGI KELULUSAN PENEMPATAN LATIHAN LAPANGAN PELAJAR PROGRAM PENGAJIAN PERGIGIAN

- 7.1 BKP KKM menerima permohonan dari IPTA / IPTS tempatan untuk penempatan pelajar sekurang-kurangnya **tiga (3) bulan** sebelum penempatan dijalankan.
- 7.2 Sekretariat menyemak status MoA. Sekiranya belum ditandatangani, permohonan perlu ditolak dan memaklumkan IPTA / IPTS untuk memohon mengadakan MoA terlebih dahulu dengan KKM.
- 7.3 Sekiranya IPTA / IPTS telah mempunyai MoA, permohonan disemak sama ada lengkap. Setiap permohonan perlu disertai dengan dokumen berikut:
 - Sesalinan modul pembelajaran yang mempunyai
 - objektif latihan / program
 - aktiviti latihan / program
 - hasil pembelajaran yang diharapkan
 - Bilangan dan senarai nama pelajar bagi setiap fasiliti
 - Bilangan dan senarai nama penyelia lapangan bagi setiap fasiliti
- 7.4 Sekiranya dokumen tidak lengkap, permohonan dikembalikan kepada IPTA / IPTS berkenaan.
- 7.5 Sekiranya dokumen lengkap, hubungi JKN (Pergigian) berkaitan. Sekretariat menyemak sama ada fasiliti yang dicadangkan kepada IPTA / IPTS berkenaan bersedia menerima pelajar.
- 7.6 Sekiranya fasiliti bersedia menerima pelajar, status penyelia lapangan disemak. Sekiranya penyelia lapangan tidak mencukupi atau tidak disediakan, permohonan boleh ditolak.

- 7.7 Sekiranya fasiliti bersedia dan penyelia lapangan mencukupi, mohon persetujuan dan kelulusan PKKP. Sekretariat maklumkan keputusan permohonan kepada IPT berkaitan, JKN (Pergigian) berkaitan beserta sesalinan modul pembelajaran IPT berkenaan.
- 7.8 Semua fasiliti perlu mengemaskini *database* penggunaan fasiliti oleh IPTA / IPTS mengikut ketetapan dan mengemukakan laporan ke JKN (Pergigian). Seterusnya JKN (Pergigian) akan mengemukakan laporan ini ke sekretariat di KKM.
- 7.9 IPT perlu menjelaskan token bayaran kepada Bahagian Kewangan KKM seperti yang dinyatakan di dalam *MoA sebelum 31 Mei* setiap tahun.
- 7.10 IPT perlu mengemukakan maklumat seperti senarai nama pelajar yang akan menjalani latihan mengikut program, hospital / klinik yang digunakan serta tempoh latihan dijalankan dalam masa **30 hari** sebelum pelajar-pelajar tersebut menjalani latihan menggunakan borang seperti di **Lampiran 1**.

Lampiran 1 hendaklah dikemukakan ke Bahagian Kewangan KKM dan sesalinan ke BKP KKM.

8. TATACARA PERMOHONAN BAGI KELULUSAN POSTING / PENEMPATAN ELEKTIF PELAJAR PERGIGIAN LUAR NEGARA DAN PELAJAR PENGAJIAN ASAS IPT TEMPATAN

- 8.1 BKP KKM menerima permohonan dari pelajar sekurang-kurangnya **tiga (3) bulan** sebelum penempatan dijalankan.
- 8.2 Sekretariat menyemak status permohonan sama ada:
 - 8.2.1 Disertai surat rasmi sokongan dari IPT / penaja
 - 8.2.2 Memastikan IPTA / IPTS berdaftar atau diiktiraf oleh MQA / KPT

- 8.2.3 Memastikan IPT luar negara adalah tersenarai di dalam Jadual Kedua Seksyen 12(1) Akta Pergigian 1971
 - 8.2.4 Penempatan tidak melebihi **dua (2) minggu**
- 8.3 Sekiranya dokumen tidak lengkap, permohonan dikembalikan kepada pelajar berkenaan.
- 8.4 Sekiranya dokumen lengkap, hubungi JKN (Pergigian) berkaitan. Semak sama ada fasiliti yang dicadangkan kepada pelajar bersedia menerima pelajar berkenaan.
- 8.5 Sekiranya fasiliti bersedia menerima pelajar, mohon persetujuan dan kelulusan PKKP. Maklumkan keputusan permohonan kepada
 - pelajar berkaitan
 - JKN (Pergigian) berkaitan
- 8.6 Semua fasiliti perlu mengemaskini *database* penggunaan fasiliti mengikut ketetapan dan mengemukakan laporan ke JKN (Pergigian). Seterusnya JKN (Pergigian) akan mengemukakan laporan ini ke sekretariat di KKM.

9. SYARAT DAN PERATURAN PENGGUNAAN FASILITI KKM BAGI PENEMPATAN PELAJAR PROGRAM PENGAJIAN PERGIGIAN IPTA / IPTS TEMPATAN

- 9.1 IPTA / IPTS perlu mempunyai *MoA* sebelum menghantar pelajar untuk penempatan latihan lapangan.
- 9.2 Permohonan dengan dokumen yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada PKKP KKM tidak kurang dari **tiga (3) bulan** dari tarikh dicadangkan memulakan penempatan.
- 9.3 IPTA / IPTS perlu menyediakan penyelia sendiri yang mencukupi sepanjang tempoh latihan lapangan di setiap fasiliti atau pelantikan dari IPTA / IPTS adalah diperlukan bagi pakar / pegawai KKM menjalankan tugas penyeliaan dengan

kebenaran PKKP.

- 9.4 Pelajar perlu sentiasa memakai kad pengenalan diri atau kad matriks sepanjang tempoh latihan di fasiliti KKM.
- 9.5 Segala latihan lapangan yang dilakukan oleh pelajar perlu dibawah seliaan penyelia lapangan yang dilantik.
- 9.6 Setiap penyelia lapangan daripada IPTA / IPTS perlu mempunyai Sijil Pengamalan Tahunan / Sementara (APC / TPC) yang sah dari MPM.
- 9.7 Pelajar dan penyelia lapangan dikehendaki mengamalkan kod etika profesion yang telah ditetapkan sepanjang tempoh latihan lapangan.
- 9.8 Pelajar yang menjalani latihan tidak dibenarkan sama sekali mengendali, menyiasat dan merawat mana-mana pesakit. Mereka hanya dibenarkan membuat pemerhatian di bawah pengawasan penyelia yang dilantik bagi tujuan pembelajaran.
- 9.9 Pelajar yang sedang menjalani latihan adalah tertakluk kepada semua undang-undang dan peraturan sedia ada dan juga mana-mana peraturan yang ditetapkan dari masa ke semasa.
- 9.10 Pelajar tidak dibenarkan mengendali pesakit lain jantina (*attend to patients of opposite sex*) kecuali dengan kehadiran anggota kerja lain.
- 9.11 Semua peraturan berkaitan kawalan jangkitan silang wajib dipatuhi.
- 9.12 Sebarang aktiviti latihan lapangan yang dilaksanakan hendaklah dengan kerjasama dan persetujuan daripada pakar / pegawai pergigian yang menjaga fasiliti KKM berkenaan.
- 9.13 IPTA / IPTS tidak dibenarkan membuat penambahan bilangan

pelajar atau pertukaran tempat atau kemudahan latihan tanpa kebenaran daripada BKP KKM.

- 9.14 Pegawai KKM yang menyelia tidak dibenarkan membuat sebarang penilaian pencapaian ke atas mana-mana pelajar yang menjalani latihan. Pegawai KKM hanya boleh mengesahkan kehadiran dan komitmen pelajar sepanjang tempoh latihan.
- 9.15 Setiap pelajar perlu mempunyai *medical insurance / indemnity*.
- 9.16 Segala maklumat, data statistik, rekod perubatan dan lain-lain maklumat yang diperolehi semasa latihan lapangan adalah **SULIT** dan tidak boleh digunakan untuk apa-apa tujuan kecuali pembelajaran.
- 9.17 IPTA / IPTS perlu memastikan peruntukan kewangannya mencukupi untuk menampung perbelanjaan aktiviti latihan lapangan.
- 9.18 **KKM TIDAK BERTANGGUNGJAWAB** ke atas sebarang kemalangan / kecederaan atau penyakit yang diperolehi oleh pelajar semasa tempoh latihan lapangan.
- 9.19 IPTA / IPTS digalakkan membantu menaik taraf kemudahan kesihatan pergigian sedia ada untuk menampung keperluan latihan lapangan dengan persetujuan Kementerian.
- 9.20 Segala urusan kebajikan pelajar adalah di bawah tanggungjawab institusi latihan masing-masing.
- 9.21 IPTA / IPTS tidak dibenarkan mempromosikan institusi mereka dalam sebarang bentuk pengiklanan di fasiliti kesihatan pergigian KKM **TANPA KEBENARAN** dari KKM.
- 9.22 IPTA / IPTS yang menjalankan latihan lapangan di fasiliti kesihatan pergigian perlu menghantar reten penggunaan fasiliti kepada sekretariat di BKP KKM mengikut

ketetapan yang dipersetujui. (**Lampiran 1**)

- 9.23 IPTA / IPTS perlu mengemukakan bukti kesemua pelajar mendapat pelalian Hepatitis B.
- 9.24 IPTS perlu menjelaskan token bayaran kepada Bahagian Kewangan, KKM sebelum **31 Mei** setiap tahun.
- 9.25 Ketua Jabatan / Unit fasiliti KKM berhak menamatkan penempatan pada bila-bila masa jika didapati pelajar tidak mematuhi mana-mana peraturan yang ditetapkan dan menghantar laporan kepada IPT pelajar berkenaan serta sesalinan kepada Jawatankuasa Pengurusan Bersama Penggunaan Fasiliti KKM Peringkat Negeri (JPBPF KKM), JKN (Pergigian) dan PKKP KKM.

10. SYARAT DAN PERATURAN PENGGUNAAN FASILITI KKM BAGI POSTING / PENEMPATAN ELEKTIF PELAJAR PERGIGIAN LUAR NEGARA & PELAJAR PENGAJIAN ASAS IPT TEMPATAN

- 10.1 Hanya pelajar dari institusi berikut layak diterima menyertai skim penempatan elektif:
 - 10.1.1 Pelajar pergigian luar negara dari institusi yang tersenarai di dalam Jadual Kedua Seksyen 12(1) Akta Pergigian 1971 dan diperakui JPA.
 - 10.1.2 Pelajar pengajian asas dari IPT tempatan yang berdaftar / diiktiraf oleh MQA / KPT / Kerajaan Malaysia dan telah ditawarkan mengikuti program pengajian pergigian.
- 10.2 Individu berikut tidak layak menyertai skim penempatan elektif:
 - 10.2.1 Pelajar pergigian yang telah ditamatkan pengajian.
 - 10.2.2 Pelajar pergigian dari IPT luar negara yang tidak diiktiraf MPM / Kerajaan Malaysia.
 - 10.2.3 Pelajar dari IPT tempatan yang tidak diiktiraf / tidak

berdaftar dengan MQA / Kerajaan Malaysia.

- 10.3 Pemohon perlu mengemukakan surat sokongan daripada IPT dan penaja masing-masing.
- 10.4 Jumlah keseluruhan penempatan elektif tidak boleh melebihi **dua (2) minggu**.
- 10.5 Pemohon perlu mengemukakan objektif latihan dan tarikh cadangan penempatan kepada sekretariat di BKP KKM.
- 10.6 Pegawai yang menyelia tidak dibenarkan membuat sebarang penilaian pencapaian ke atas mana-mana pelajar yang menjalani penempatan elektif. Pegawai yang menyelia hanya boleh mengesahkan kehadiran dan komitmen pelajar sepanjang tempoh pengajian.
- 10.7 Pelajar yang mengikuti penempatan elektif adalah tertakluk kepada semua undang-undang dan peraturan sedia ada dan juga mana-mana peraturan yang ditetapkan pihak berwajib dari masa ke semasa.
- 10.8 Ketua fasiliti berhak menamatkan penempatan elektif pelajar bila-bila masa jika didapati ketidakpatuhan kepada mana-mana peraturan yang ditetapkan.
- 10.9 Susulan sebarang insiden ketidakpatuhan, ketua fasiliti perlu menghantar laporan kepada pihak institusi pelajar berkenaan serta sesalinan kepada JKN (Pergigian) dan PKKP KKM.
- 10.10 Segala aktiviti pelajar hendaklah di bawah pengawasan pegawai atau pakar pergigian unit / disiplin berkenaan.
- 10.11 Pelajar yang menjalani *posting* / penempatan elektif tidak dibenarkan sama sekali mengendali, menyiasat dan merawat mana-mana pesakit. Mereka hanya dibenarkan membuat pemerhatian ke atas pesakit.

- 10.12 Segala maklumat, data statistik, rekod perubatan dan lain-lain maklumat yang diperolehi semasa *posting* / penempatan elektif adalah **SULIT** dan sama sekali tidak boleh dikeluarkan dari mana-mana fasiliti dan digunakan bagi sebarang tujuan.
- 10.13 Adalah menjadi tanggungjawab setiap pelajar untuk memastikan mereka mempunyai peruntukan kewangan yang mencukupi bagi menjalani penempatan elektif.
- 10.14 Setiap pelajar perlu mempunyai *medical insurance / indemnity*.
- 10.15 Pihak KKM tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kecederaan yang dialami atau penyakit yang diperolehi semasa menjalani penempatan elektif.

11. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PIHAK FASILITI KKM

- 11.1 Pegawai bertanggungjawab fasiliti perlu menyediakan buku daftar maklumat pelatih.
- 11.2 KKM tidak bertanggungjawab ke atas kerosakan dan kehilangan peralatan peribadi atau peralatan yang dibekalkan oleh pihak institusi latihan bagi kemudahan latihan.
- 11.3 Sekiranya didapati pelajar berkelakuan yang boleh mencemarkan maruah atau nama baik jabatan / fasiliti, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kerajaan Malaysia ketua fasiliti bertanggungjawab melaporkan dan menangguh sesi latihan lapangan pelatih berkenaan, jika perlu.
- 11.4 Ketua fasiliti perlu menyediakan dan mengemaskini *database* penggunaan fasiliti untuk latihan lapangan dan menghantar laporan ke JKN (Pergigian) dengan sesalinan ke sekretariat di BKP KKM dua (2) kali setahun menggunakan borang **Lampiran 2** seperti berikut:
 - Bagi penggunaan fasiliti Januari hingga Jun sebelum 15 Julai

tahun semasa.

- Bagi penggunaan fasiliti Julai hingga Disember sebelum 15 Januari tahun berikutnya.

12. TATACARA PEWARTAAN FASILITI KKM SEBAGAI PUSAT LATIHAN LAPANGAN

- 12.1 Sekretariat mengenalpasti kesesuaian sesebuah fasiliti untuk dijadikan tempat latihan lapangan berdasarkan kriteria dan keperluan semasa.
- 12.2 Sekretariat perolehi kelulusan dan persetujuan daripada:
 - PKKP bagi penggunaan fasiliti pergigian
 - Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan) bagi penggunaan fasiliti hospital
- 12.3 Sekretariat menyediakan kertas cadangan untuk pewartaan fasiliti yang telah dikenalpasti dan dikemukakan kepada Setiausaha MPM untuk tindakan selanjutnya.

SENARAI RUJUKAN

1. Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil. 16/2008: Garis Panduan Melaksanakan Posting Elektif oleh Pelajar Perubatan di Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia
2. Akta Pergigian 1971
3. Akta Perubatan 1971
4. *Memorandum of Agreement for the Training of Students Pursuing Dental Degree Programme at the Government Hospitals and Dental Clinics*
5. Panduan Penggunaan Kemudahan Fasiliti Program Kesihatan Awam Kementerian Kesihatan Malaysia Bagi Latihan Lapangan Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta. Edisi Pertama (Mei 2010)
6. Garis panduan Penggunaan Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Untuk Latihan Amali oleh Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) bagi Program Pengajian Kejururawatan November 2009.
7. Perintah Am dan Arahan Pentadbiran

**AHLI JAWATANKUASA PENYEDIAAN GARIS PANDUAN
PENGGUNAAN FASILITI KKM BAGI LATIHAN LAPANGAN
PELAJAR PROGRAM PERGIGIAN**

Penasihat	Dato' Dr Norain bt Abu Talib Pakar Pergigian Kesihatan Awam Pengarah Kanan Kesihatan Pergigian Kementerian Kesihatan Malaysia
Pengerusi	Dr Noor Aliyah binti Ismail Pakar Pergigian Kesihatan Awam Timbalan Pengarah BKP KKM
Setiausaha	Dr Norashikin binti Mustapa Yahya Ketua Penolong Pengarah Kanan BKP KKM
Ahli-Ahli	Dr Abdul Razak bin Osman Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) Pulau Pinang
	Dr Nomah binti Taharim Pakar Pergigian Kesihatan Awam Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) Selangor
	Dr Abd Latif bin Hamid Pakar Perunding Kanan Oral & Maksilofasial Hospital Tuanku Ja'afar Seremban
	Dr Bahruddin bin Saripudin Pakar Perunding Pergigian Pediatric Hospital Serdang
	Dr Azliza binti Zabha Ketua Penolong Pengarah BKP KKM

SENARAI LAMPIRAN



Lampiran 1

MAKLUMAT PELAJAR YANG AKAH MENJALANI LATIHAN KLINIKAL DI HOSPITAL / KLINIK KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

NAMA IPT :
SESI/SEMESTER :

TAHUN:

Tariikh:

DEBHATIAN ·

IPT hendaklah mengemukakan Lampiran 1 dalam masa 30 hari sebelum pelajar menjalani latihan lapangan ke Bahagian Kewangan IPT melalui e-mel: noorziulyana@moh.gov.my dan sesalinan ke Bahagian Kesihatan Pergigian KKM melalui surat / fax / e-mel: dmoorashikin@moh.gov.my / suryanti.sudin@moh.gov.my

PENGUNAAN FASILITI KKM BAGI LATIHAN LAPANGAN PELAJAR PROGRAM IJAZAH ASAS PERGIGIAN DI IPT

Lampiran 2

Negem:

Nama |PTA|PTS :

Tempoh Penempatan :

Tarikh:

T/Tangan Pegawai Y/M Fasiliti

SENARAI APENDIKS

**BORANG PERMOHONAN MENJALANI POSTING ELEKTIF DI FASILITI
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

NOTA:

- a. Anda perlu mengisi penuh semua ruangan wajib yang bertanda *
- b. Sila isi dalam **DUA (2)** salinan

1. Maklumat Peribadi

Nama penuh seperti di Kad Pengenalan atau paspot* : _____

No. Kad Pengenalan (Warganegara Malaysia)* _____

No. Pasport (Bukan Warganegara Malaysia)* : _____

No. telefon* : _____ Alamat e-mel* : _____

Alamat rumah* : _____

Poskod : _____

Alamat surat-menyerat* : _____

Poskod : _____

Nama waris terdekat* : _____

Alamat waris terdekat* : _____

Poskod : _____

2. Latar belakang Akademik

Nama dan Alamat Institusi Pengajian* : _____

Poskod : _____

Tahun Pengajian* : _____ Tahun dijangka tamat pengajian* : _____

Nyatakan pengalaman klinikal anda sehingga kini, jika ada :

Tarikh	Disiplin	Tempoh

3. Maklumat Posting Elektif Yang Dipohon

Tempoh Posting Elektif* :

Dari* : _____ hingga* : _____ (Jumlah* = _____ minggu)

[Jumlah keseluruhan posting hendaklah tidak melebihi **DUA (2) minggu**]

Posting pilihan* :

Sila nyatakan tidak lebih dari **TIGA (3)** disiplin menurut keutamaan :

- a. _____
- b. _____
- c. _____

Nota: Pihak berkuasa berhak menentukan mana-mana disiplin tanpa merujuk kepada permohonan anda.

4. Bersama-sama ini saya kemukakan :

- a. Salinan pendua kad pengenalan (bagi warganegara) atau paspot (bagi bukan warganegara) yang disahkan dan
- b. Surat sokongan dari Dekan Fakulti / institusi pengajian dan penaja
- c. Surat tawaran mengikuti program pengajian pergigian

5. Pengakuan

Saya dengan ini sesungguhnya mengaku bahawa :

- a. Semua maklumat yang dinyatakan di atas adalah benar;
- b. Saya telah membaca dan memahami semua peraturan berkaitan posting elektif dan bersetuju untuk mematuhi semua peraturan yang berkuatkuasa atau yang dikuatkuasakan dari masa ke semasa selepas pengakuan ini dibuat; dan
- c. Tidak akan menyalahkan dan juga mengambil tindakan terhadap pihak klinik, hospital dan / atau Kementerian Kesihatan Malaysia di atas sebarang kecederaan atau kemudaran yang dialami semasa menjalani penempatan elektif

Terima kasih.

Tandatangan Pemohon* : _____ **Tarikh* :** _____

Sila lengkapkan borang ini dan kemukakan kepada :

**Pengarah Kanan Kesihatan Pergigian
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 5, Blok E10, Kompleks E, Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya**

dan kembarkan surat tawaran mengikuti program pengajian dan surat sokongan dari institusi pengajian dan penaja.

**APPLICATION FORM FOR ELECTIVE POSTING IN THE MINISTRY OF HEALTH
MALAYSIAN FACILITIES**

NOTE:

- a. Please fill ALL compulsory fields marked * ; and
- b. Please submit in **TWO (2)** copies

1. Personal Particulars

Full name (as in NRIC or passport*) : _____

NRIC number (for Malaysian)* : _____

Passport number (for non-Malaysian)* : _____

Contact number* : _____ Email Address* : _____

Home address* : _____

Postal code : _____

Postal address* : _____

Postal code : _____

Next of kin* : _____

Address of Next of kin* : _____

Postal code : _____

2. Academic Background

Name and Address of Institution* : _____

Postal code : _____

Year of study* : _____ Expected year of graduation* : _____

Indicate briefly your clinical experience to date, if any :

Date	Disciplines	Duration

3. Particulars of Elective Posting requested

Period of Elective Posting* :

From* : _____ to : _____ (Total = _____ weeks)

[The total length of posting should not exceed **two (2) weeks**]

Preferred posting* :

Please indicate not more than three (3) disciplines in terms of preference :

- a. _____
- b. _____
- c. _____

Note: The authority has the right to determine any postings without reference to your application.

4. Herewith I enclose :

- a. Certified photocopy of my identity card (for Malaysian) or passport (for foreigners); and
- b. Supporting documents from the Dean of Faculty / institution and sponsor agency
- c. Offer letter for graduate study in dental programme

5. Declaration

I do hereby solemnly declare that :

- a. All the particulars stated above are correct;
- b. I have read and understand the provisions regarding the elective posting and agree to abide by and be governed by all the rules now in effect or as announced hereafter from time to time; and
- c. I hereby agree to give an undertaking not to hold the hospital, clinic or the Ministry of Health Malaysia responsible for any injury or mishaps sustained during the tenure of my posting.

Thank you.

Signature of Applicant* : _____ **Date* :** _____

Please complete this form and submit to :

**Principal Director of Oral Health,
Ministry of Health Malaysia
Level 5, Block E10, Complex E, Precint 1,
Federal Government Administrative Centre
62590 Putrajaya**

and attach the offer letter for graduate study in dental programme as well as the supporting document / letter from your institution and sponsor agency for the elective posting.

**Senarai Semak Keperluan Dokumen Bagi Penyediaan
*Memorandum of Agreement (MoA)***

Bil	Senarai Dokumen	IPTA	IPTS
1.	Pengenalan IPT	✓	✓
2.	Kelulusan menjalankan program daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) / Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT)	✓	✓
3.	Sesalinan modul pembelajaran yang mengandungi <ul style="list-style-type: none"> - objektif latihan/program - aktiviti latihan/program - hasil pembelajaran yang diharapkan 	✓	✓
4.	Status bilangan pelajar terkini dan unjuran untuk lima (5) tahun	✓	✓
5.	Bilangan dan senarai nama penyelia lapangan	✓	✓
6.	Surat permohonan mengadakan MoA dengan KKM menggunakan 'Letter Head Company' (IPTS) atau Letter Head IPT (IPTA) yang mengandungi no. telefon & faks	✓	✓
7.	Nama penandatangan dan saksi yang diberi kuasa beserta jawatan	✓	✓
8.	Sijil pendaftaran syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) – Borang 9 Akta Syarikat 1965		✓
9.	<i>Memorandum of Association</i> – Akta Syarikat 1965		✓
10.	<i>Article of Association</i> – Akta Syarikat 1965		✓
11.	Sijil pendaftaran dengan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) - Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996		✓
12.	Borang 44 (<i>Registered Company Address</i>) – Akta Syarikat 1965		✓
13.	Salinan Dokumen Memorandum Perjanjian Utama (<i>Principle Memorandum of Agreement</i>) sekiranya permohonan dibuat untuk menandatangani Perjanjian Tambahan (<i>Supplementary Agreement</i>)		✓

Perlu ada



HAK CIPTA TERPELIHARA
<http://ohd.moh.gov.my>